



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPNK			

# 3,500 hektar hutan simpan diceroboh

Tanah di Kedah diteroka secara haram sejak 10 tahun lalu

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SIK

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengenal pasti kawasan hutan simpan seluas 3,500 hektar diteroka secara haram untuk pelbagai kegiatan sejak 10 tahun lalu.

Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, Muhamad Abdullah berkata, kebanyakan penerokaan dikesan bagi tujuan pertanian membabitkan sindiket selain membina kediaman.

Menurutnya, kira-kira 20 individu ditahan sejak Januari lalu kerana disyaki menceroboh. "Setakat ini, kita sedang menyediakan kertas siasatan untuk



Kakitangan JPNK turut menyertai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Kompartmen 4, Hutan Simpan Bukit Enggang pada Ahad.

dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Kedah untuk tindakan lanjut," katanya selepas program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok peringkat negeri Kedah di Kompartmen 4, Hutan Simpan Bukit Enggang di sini pada Ahad.

Menurutnya, JPNK akan melaksanakan tindakan pemusnahan di kawasan penerokaan baharu dan kawasan pe-

nerokaan lama kita akan menunggu arahan lanjut daripada kerajaan negeri.

"Di kompartmen 4 ini kita telah kenal pasti tanah diteroka untuk dijadikan dusun durian dan ladang kelapa sawit.

"Kita sudah menahan seorang lelaki bersama jentera ketika operasi dijalankan Ogos lalu dan kita laksanakan penanaman semula bagi memastikan kelestarian hutan terus dipulihara,"



Sinar, 13 Sept 2021\_31

Muhamad (kiri) menanam pokok serupena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di HS Bukit Enggang.

katanya.

Dalam kempen tersebut, sebanyak 1,000 anak pokok daripada pelbagai spesies kumpulan damar seperti meranti, merawan, merbau dan cengal ditanam semula di kawasan seluas lima hektar bagi menghijaukan kembali kawasan terbabit yang telah diteroka secara haram.

Beliau memberitahu, jabatan itu akan memperbanyak papan tanda larangan di kawasan hutan

simpan supaya tidak diceroboh.

"Kegiatan menceroboh menyebabkan kerugian besar kepada negara sama ada membabitkan biodiversiti dan balak.

"Orang ramai boleh menyalurkan maklumat sekiranya berlaku aktiviti itu.

"Tindakan akan dikenakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 bagi mereka yang melanggar undang-undang," katanya.